



26 Jun 2023
26 June 2023
P.U. (B) 223

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

**NOTIS PENENTUAN MUKTAMAD NEGATIF BAGI
KAJIAN SEMULA PENTADBIRAN DUTI ANTI-LAMBAKAN
BERKENAAN DENGAN IMPORT KELULI ALOI DAN
BUKAN ALOI GEGELUNG GULUNGAN SEJUK YANG
BERASAL ATAU DIEKSPORT DARI REPUBLIK KOREA
DAN REPUBLIK SOSIALIS VIET NAM**

***NOTICE OF NEGATIVE FINAL DETERMINATION OF
ADMINISTRATIVE REVIEW OF ANTI-DUMPING DUTY
WITH REGARD TO IMPORT OF COLD ROLLED COILS OF
ALLOY AND NON-ALLOY STEEL ORIGINATING OR
EXPORTED FROM THE REPUBLIC OF KOREA AND
THE SOCIALIST REPUBLIC OF VIET NAM***

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA DUTI TIMBAL BALAS DAN ANTI-LAMBAKAN 1993

NOTIS PENENTUAN UKTAMAD NEGATIF BAGI KAJIAN SEMULA PENTADBIRAN
DUTI ANTI-LAMBAKAN BERKENAAN DENGAN IMPORT KELULI ALOI DAN
BUKAN ALOI GEGELUNG GULUNGAN SEJUK YANG BERASAL ATAU DIEKSPORT
DARI REPUBLIK KOREA DAN REPUBLIK SOSIALIS VIET NAM

(AD 03/15 - AR 02/22)

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 28(4) Akta Duti Timbal Balas dan Anti-Lambakan 1993 [*Akta 504*], Kerajaan telah membuat penentuan muktamad negatif bagi kajian semula pentadbiran terhadap pengenaan duti anti-lambakan berkenaan dengan import keluli aloi dan bukan aloi gegelung gulungan sejuk yang mempunyai ketebalan antara 0.20 milimeter hingga 2.60 milimeter dan kelebaran antara 700 milimeter hingga 1,300 milimeter tidak termasuk plat hitam kilang timah dan diimport bagi maksud penggunaan akhir automotif daripada semua gred dan spesifikasi yang dikelaskan di bawah Kod Sistem yang Diharmonikan (Kod H.S.) dan Tatanama Tarif Berharmonis ASEAN (AHTN) 7209.15.00 00, 7209.16.10 00, 7209.16.90 00, 7209.17.10 00, 7209.17.90 00, 7209.18.99 00, 7225.50.10 00 dan 7225.50.90 00 yang berasal atau dieksport dari Republik Korea dan Republik Sosialis Viet Nam (“dagangan subjek”).

Sebab bagi penentuan muktamad negatif bagi kajian semula pentadbiran

2. Sebab bagi penentuan muktamad negatif bagi kajian semula pentadbiran dagangan subjek adalah—

- (a) kerana margin lambakan dagangan subjek yang dieksport oleh pengeluar atau pengeksport yang dikenali sebagai POSCO Vietnam Co., Ltd. adalah *de minimis* iaitu margin lambakan kurang daripada dua peratus daripada harga eksport; dan
- (b) demi kepentingan awam.

Penamatan duti anti-lambakan dan penyiasatan

3. Atas sebab yang dinyatakan dalam perenggan 2, duti anti-lambakan dan penyiasatan yang dikenakan terhadap import dagangan subjek hendaklah ditamatkan pada 27 Jun 2023.

Bertarikh 26 Jun 2023

[MITI:600-2/2/21; PN(PU2)529/Jld. 31]

TENGGU DATUK SERI UTAMA ZAFRUL BIN TENGGU ABDUL AZIZ
Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri

COUNTERVAILING AND ANTI-DUMPING DUTIES ACT 1993

NOTICE OF NEGATIVE FINAL DETERMINATION OF ADMINISTRATIVE REVIEW OF
ANTI-DUMPING DUTY WITH REGARD TO IMPORT OF COLD ROLLED COILS OF ALLOY
AND NON-ALLOY STEEL ORIGINATING OR EXPORTED FROM
THE REPUBLIC OF KOREA AND THE SOCIALIST REPUBLIC OF VIET NAM

(AD 03/15 - AR 02/22)

IN exercise of the power conferred by subsection 28(4) of the Countervailing and Anti-Dumping Duties Act 1993 [*Act 504*], the Government has made a negative final determination for the administrative review on the imposition of an anti-dumping duty with regard to the imports of cold rolled coils of alloy and non-alloy steel of a thickness between 0.20 millimetres to 2.60 millimetres and width between 700 millimetres to 1,300 millimetres excluding tin mill black plate and imported for the purpose of automotive end-usage of all grades and specifications which are classified under the Harmonised System Code (H.S. Code) and ASEAN Harmonised Tariff Nomenclature (AHTN) 7209.15.00 00, 7209.16.10 00, 7209.16.90 00, 7209.17.10 00, 7209.17.90 00, 7209.18.99 00, 7225.50.10 00 and 7225.50.90 00 originating or exported from the Republic of Korea and the Socialist Republic of Viet Nam (“subject merchandise”).

Reason for negative final determination of administrative review

2. The reasons for the negative final determination of the administrative review of the subject merchandise is—

- (a) the dumping margin with regard to the subject merchandise exported by the producer or exporter known as POSCO Vietnam Co., Ltd is *de minimis* where the margin of dumping is less than two per centum of the export price; and
- (b) in the public interest.

Termination of anti-dumping duty and investigation

3. For the reason stated in paragraph 2, the anti-dumping duty imposed and investigation on the imports of subject merchandise shall be terminated on 27 June 2023.

Dated 26 June 2023

[MITI:600-2/2/21; PN(PU2)529/Jld. 31]

TENGGU DATUK SERI UTAMA ZAFRUL BIN TENGGU ABDUL AZIZ
Minister of Investment, Trade and Industry